

# Semua masjid, rumah ibadat di Negeri Sembilan turut ditutup

**SEREMBAN** - Semua masjid, surau dan rumah ibadat bukan Islam di Negeri Sembilan tidak dibuka untuk orang awam bermula dari 21 Mei hingga 7 Jun berikutan penularan Covid-19.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, arahan itu dibuat di atas perkenan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir untuk membendung penularan Covid-19.

“Setelah mendapat perkenan, kita mengambil keputusan untuk menutup semua masjid dan surau termasuk rumah ibadah bukan Islam.

“Kita telah bersetuju mengeluarkan prosedur operasi standard (SOP) baharu iaitu membenarkan seramai 12 orang sahaja terdiri daripada pegawai masjid dan ahli jawatankuasa kariah untuk solat Jumaat serta solat fardhu lima waktu di masjid serta surau Jumaat.

“Tiga orang sahaja dibenarkan untuk solat fardhu lima waktu, terdiri daripada imam, bilal dan siak. Kesemua mereka yang dibenarkan solat di masjid dan surau perlu mengisi borang kehadiran disediakan,” katanya pada sidang akhbar di sini pada Khamis.

Sementara itu, di **JOHOR BAHRU**, Exco Hal Ehwal Agama Islam Negeri



AMINUDDIN

Johor, Tosrin Jarvanthi dalam satu kenyataan memaklumkan, negeri itu membenarkan solat fardu dan solat Jumaat dijalankan di masjid dan surau di negeri ini sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 secara bersyarat.

Menurutnya, kebenaran itu berkuat kuasa hari ini hingga ke satu tarikh yang akan ditentukan Majlis

Agama Islam Negeri (MAINJ) setelah mendapat pandangan dan nasihat Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan.

Katanya, seramai 50 jemaah daripada kalangan kariah sahaja termasuk ahli jawatankuasa pengurusan kariah dan pegawai masjid serta surau Jumaat dibenarkan bagi solat fardu dan solat Jumaat manakala bagi surau pula kebenaran diberikan kepada 20 jemaah.

“Pihak pengurusan masjid perlu bertindak tegas dengan tidak membenarkan jemaah yang tidak patuh SOP dari memasuki masjid serta menghubungi polis sekiranya diperlukan.

“Ini kerana berdasarkan pemantauan pihak berkuasa didapati masih terdapat jemaah yang tidak patuh kepada SOP seperti tidak memakai pelitup muka, tidak menjaga penjarakan fizikal dan mengambil suhu badan,” ujarnya.